

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN  
(ROMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2017**

**Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) KWAP dijangka akan mengambil alih tanggungjawab menyediakan dana untuk pembayaran pencen kakitangan awam dari Kerajaan dan bagaimanakah prestasi pelaburan KWAP sejak lima tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peralihan tanggungjawab menyediakan dana untuk pembayaran pencen kakitangan awam adalah bergantung kepada kadar pertumbuhan dana Kumpulan Wang

Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan kedudukan liabiliti pencen Kerajaan. Pada masa ini, usaha-usaha untuk mengembangkan saiz dana perlu diberi keutamaan bagi menangani peningkatan dalam liabiliti pencen Kerajaan. Di samping itu, prestasi pelaburan KWAP sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2012 sehingga 2016 mencatatkan purata pendapatan kasar sebanyak 6.2 peratus.